

Mangsa banjir di Pahang meningkat kepada 573 orang

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN | 12 Disember 2022, 9:43 am



ANGGOTA bomba membantu proses pemindahan mangsa di Kampung Genting di Lipis hari ini.

KUANTAN – Jumlah mangsa banjir di Pahang terus meningkat kepada 573 orang berbanding 537 orang semalam dengan melibatkan 171 keluarga yang ditempatkan di sembilan buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, Che Adam A. Rahman berkata, daerah Temerloh merekodkan jumlah mangsa banjir paling ramai iaitu sebanyak 383 orang daripada 114 keluarga.

“Di Raub sebanyak 53 mangsa daripada 13 keluarga dipindahkan ke lima PPS manakala di Lipis seramai 31 mangsa daripada lapan keluarga dipindahkan ke dua PPS.

“Di Bera pula seramai sembilan mangsa daripada tiga keluarga dipindahkan ke dua PPS manakala di Jerantut seramai 20 mangsa daripada tujuh keluarga ditempatkan di PPS Balai Raya Kampung Sempadan di Jerantut,”katanya di sini hari ini.

Dalam pada itu beliau berkata, paras air sungai utama di negeri ini pada masa ini menyaksikan Sungai Triang di Bera dan Sungai Pahang di Lubuk Paku Maran berada pada paras bahaya.-KOSMO! ONLINE